

MIEexpo pamer inovasi baharu

Bakal mempamerkan 100 reka cipta produk penyelidikan dan inovasi

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my

EKspo Inovasi Malaysia (MIEexpo) 2013 bakal mempamerkan sebanyak 100 reka cipta, penyelidikan dan inovasi penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan institut pengajian tinggi kepada orang ramai dan industri bermula pada hari ini sehingga 28 September depan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar berkata, ekspo yang dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di Dewan Banquet UPM di sini menyasarkan pihak industri untuk mengkomersialkan teknologi UPM dengan pengisian program seperti pembentangan hasil penyelidikan dan perniagaan teknologi selain perkongsian teknologi dari industri pertanian.

"Inovasi yang dipamerkan pada MIEexpo 2013 ialah dalam bidang pertanian dan makanan, sains gunaan dan kejuruteraan, biosistem dan bioteknologi, perniagaan, ekonomi dan gavernan, alam sekitar dan tenaga juga



DR. MOHD. SALEH JAAFAR



PENGUNJUNG yang melawat MIEexpo tahun lalu.

perhutanan dan biodiversiti, sains halal dan pengurusan, kesihatan dan kesejahteraan hidup, kemanusiaan dan pembangunan nusa bangsa, sains dan teknologi bahan, sains matematik, teknologi maklumat dan komunikasi.

"Kepelbagaiannya hasil penyelidikan dan rekacipta boleh dilihat dan dinilai dalam membantu memberi manfaat kepada masyarakat seterusnya boleh menembusi pasaran dan menjana ekonomi," katanya.

MIEexpo adalah penjenamaan semula

pameran dan pertandingan yang dahulunya dikenali sebagai Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) Malaysia.

Mohd. Saleh berkata, penjenamaan semula PRPI ini merupakan platform dalam mengumpulkan hasil reka cipta bermula daripada peringkat sekolah rendah hingga peringkat universiti yang memberi lebih tumpuan kepada kehendak masyarakat dan industri

Beliau berkata sempena pameran itu,

MIEexpo 2013 turut melancarkan baja Bio-cecair Bacto 10 yang merupakan produk komersil UPM keluaran syarikat PhytoGold yang mampu meningkatkan hasil tanaman.

Pada majlis itu penutup MIEexpo 2013 Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan melancarkan Ladang dan Laman Bersepadu (Integrated Farms and Gardens).

Sebanyak 30 sekolah dari seluruh negara akan turut mempertandingkan inovasi pelajar masing masing dalam MIEexpo 2013 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Gerai pameran yang dijangka mendapat sambutan orang ramai ialah jualan hasil produk pertanian UPM seperti baja, anak pokok, rock melon dan lain-lain.

Turut diadakan sesi padanan perniagaan diadakan bagi mempelawa komuniti industri dan perniagaan untuk melabur di dalam teknologi yang di bangunkan UPM.

Selain pameran, orang ramai juga boleh berkunjung ke gerai pameran Edupark UPM untuk melihat pakej-pakej menarik Edu-Perlancongan yang ditawarkan seperti Muzium Entomologi, Muzium Anatomi Haiwan, Muzium Anatomi Manusia, ladang ternakan rusa dan kambing, ladang tenusu, Pusat Ekuin UPM dan lain-lain.

Maklumat lanjut boleh menghubungi sekretariat MIEexpo 2013 di talian 03-8947 1254 atau di laman web www.miexpo.upm.my.